

CABARAN INTEGRASI ANTARA KAUM DI MALAYSIA: PERSPEKTIF SEJARAH, KELUARGA DAN PENDIDIKAN

MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH

ABSTRAK

Kajian berkaitan dengan integrasi kaum di Malaysia agak kompleks. Ini kerana, sosio politik setiap kaum bersifat perkauman. Agen-agen seperti sejarah, pendidikan, media, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan amat kuat mencengkam budaya politik setiap kaum. Akhirnya, lahirlah setiap bangsa yang memperjuangkan kepentingan masing-masing. Bukti-bukti ini diperolehi melalui tinjauan yang dibuat ke atas kajian-kajian sebelum ini. Keadaan tidak banyak berubah sehingga ke hari ini. Kajian ini bertujuan menilai sejauh mana pengaruh agen sosio politik seperti sejarah, institusi keluarga dan pendidikan yang dilalui meninggalkan kesan terhadap hubungan antara kaum. Hasil kajian menunjukkan sosio-politik perkauman melahirkan sentimen perkauman yang tinggi. Integrasi masih lagi samar. Realitinya, sentimen perkauman masih kuat mencengkam budaya politik masyarakat berbilang kaum.

Kata Kunci: Integrasi nasional, sosialisasi politik, politik etnik, agenda nasional, perpaduan

ABSTRACT

Study on integration and unity among races in Malaysia is quite complex. These are due to the facts that the political socialization agents process i.e. history, education, social, economy and politic, are race oriented. Every race fights for their own interest. Most of the past research have shown that the racial sentiments in Malaysia were tensed. This research aimed to analyst the influence of political socialization agents, history, family and education institutions, towards the ethnic relations. The study shows that the agents contribute to the high level of polarization. Integration and unity among races are only hope. In reality, racial sentiment still a major challenges in this country.

Keywords: National integration, political socialization, ethnic politics, national agenda, unity

PENDAHULUAN

Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah daripada segi budaya, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik. Manakala, perpaduan pula boleh diertikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air (Shamsul Amri 2007).

Jika digabungkan kedua-dua perkataan ini, integrasi perpaduan bermaksud mewujudkan satu masyarakat bersatu padu dengan satu identiti nasional. Kerjasama ini boleh dibentuk melalui integrasi wilayah, ekonomi, kebudayaan, sosial, pendidikan dan politik. Dalam konteks politik di Malaysia, integrasi dan perpaduan tidak banyak melibatkan unsur-unsur asimilasi tetapi lebih mirip kepada integrasi, akomodasi dan akulturasi.

Menurut Ting Chew Peh (1987), proses mencapai sebuah masyarakat integrasi bukanlah sesuatu yang mudah. Integrasi adalah suatu proses yang kompleks. Pada hemat pengkaji, kata-kata Ting Chew Peh ini memang tidak boleh dinafikan kebenarannya. Kita dapat lihat setiap kaum membawa hal masing-masing daripada pelbagai sudut seperti sejarah, pendidikan, sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Boleh dikatakan kebanyakannya bersifat perkauman. Ia telah berakar umbi sejak dahulu lagi, sebelum, semasa dan selepas merdeka. Usaha ke arah mengintegrasikan perpaduan berasaskan satu identiti nasional tidak dapat diterima oleh orang bukan Melayu.

MASALAH INTEGRASI PERPADUAN KAUM DARI ASPEK SEJARAH

Berdasarkan sejarah, Malaysia adalah sebuah negara yang berasaskan kepada sistem kenegaraan Melayu atau *Malay Polity*. Perlu diingat, sejarah sistem kenegaraan Melayu bermula dengan perkataan ‘Melayu’ atau ‘Tanah Melayu’ itu sendiri yang bermaksud wilayah dan kepulauan di rantau ini. Nama-nama ini terkenal di kalangan negeri China, India dan Barat seperti *Melayu* (I-Tsing), *Malaiur* (Marco Polo), *Malaiyur* (inskrripsi Tanjore-Sanskrit di India), *Ma-Li-Yu-R* (Yuan Shih/Cina), *Mailiur* (Siam) dan *Malayo* (Albuquerque/ Portugis) (Suntharalingam & Abdul Rahman Haji Ismail 1985).

Hujah ini menunjukkan bahawa dari abad ke-6 hingga ke-10, perkataan Melayu adalah nama tempat dan bukannya nama khusus bagi rumpun bangsa. Hanya pada abad ke-11 barulah perkataan Melayu mulai dipakai bagi menamakan rumpun bangsa. Ringkasnya, istilah Tanah Melayu, Malaysia dan Malaya

adalah jelas merujuk pada negeri-negeri Melayu atau Tanah Melayu atau *Land of the Malays*. Fakta ini menunjukkan bahawa Tanah Melayu (Malaysia) adalah kepunyaan satu bangsa yang bernama Melayu. Namun, kedatangan penjajah British telah merubah peta politik Tanah Melayu. Kalau dahulu, hubungan antara China dan Tanah Melayu hanya melibatkan perdagangan dua hala sahaja, tanpa penghijrahan secara besar-besaran, namun, setelah penjajahan berlaku, maka bermulalah episod kemajmukan masyarakat di negara ini¹. Ini bermakna, masyarakat majmuk di negara ini bukanlah muncul secara semula jadi seperti didakwa oleh sesetengah pihak. Negara ini ada penghuni asalnya.

Sebelum tahun 1910, kemasukan orang asing semakin bertambah tanpa had telah mengejutkan sultan negeri-negeri Melayu Bersekutu. Mereka memaksa British menghalangnya. Tetapi keperluan pekerja yang mendesak dalam bidang perlombongan dan perladangan menjadikan kemasukan mereka tidak boleh dihalang lagi. Setiap tahun ribuan pendatang Cina dan India tiba di Tanah Melayu. Sehingga tahun 1931, apabila bancian dibuat, jumlah orang-orang bukan Melayu telah melebihi bilangan orang-orang Melayu di negeri mereka sendiri (Comber 2007).

Setelah Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, British kembali semula menjajah Tanah Melayu dan memperkenalkan *Malayan Union*². Bagi memudahkan urusan pentadbiran, British telah mencipta satu istilah bernama *Malayan*. *Malayan* dirujuk kepada bukan Melayu yang telah bermastautin lama atau dilahirkan di Malaya. Manakala istilah Melayu atau Malaysians digunakan untuk orang Melayu, Indonesia dan orang Asli. Antara ciri-ciri Perlembagaan *Malayan Union* ialah kerakyatan melalui undang-undang berasaskan prinsip *Jus Soli* diperkenalkan yakni melalui kuatkuasa undang-undang dan secara permohonan atau kemasukan. Orang Melayu akan menjadi warganegara *Malayan Union* secara automatik, manakala orang bukan Melayu yang ingin menjadi warganegara perlu memenuhi kelayakan-kelayakan bermastautin, kelahiran dan sebagainya. Antara Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British, satu perjanjian baru diwujudkan. Raja-Raja Melayu diminta menyerahkan kedaulatan negeri masing-masing kepada British. Undang-Undang baru akan diperkenalkan bagi pihak Raja-Raja. Ini bermakna British akan terus menjajah negeri-negeri Melayu, termasuk negeri-negeri Selat. Orang Melayu melihat keadaan ini sebagai satu ancaman kepada hak-hak mereka dan memberi keuntungan kepada orang bukan Melayu (Comber 2007; Ongkili 1985; Ruslan Zainuddin 2005).

Reaksi orang Melayu terhadap *Malayan Union* (Ongkili 1985) memang telah dirasai dan diduga oleh orang Cina sebagai kaum yang mendatang. Orang Cina memang tahu bahawa orang Melayu tidak begitu mudah menerima orang Cina sebagai rakyat Tanah Melayu. Dengan sebab itu, sejak awal-awal lagi orang Cina telah bersiap sedia untuk menghadapi keadaan seperti ini. Mereka mengambil sikap 'tunggu dan lihat' bagi melindungi kepentingan

mereka. Orang Cina menyuarakan pandangan mereka terhadap *Malayan Union* melalui pelbagai cara seperti pertubuhan, kesatuan dan akhbar-akhbar Cina. Jelas di sini bahawa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media massa Cina memainkan peranan penting dalam sosialisasi politik Cina.

Semua fakta di atas menunjukkan bahawa politik Malaysia sejak dari awal lagi, melalui penjajahan demi penjajahan dan kemasukan imigran, adalah bersifat perkauman (komunalisme). Abdullah Dahana (2002) menyifatkan politik komunalisme begitu kaku sehinggakan kehidupan politik dibentuk mengikut garisan etnik. Selain daripada dasar ‘pecah dan perintah’ yang diamalkan oleh British, sikap lunak orang Melayu terhadap orang lain dan kepandaian orang lain mengeksploitasikan orang Melayu turut menyumbang kepada masalah kaum sehingga ke hari ini. Dengan kebijaksanaan penjajah dan imigran ini juga, negara ini diberikan kemerdekaan dengan bersyarat iaitu mereka mesti sanggup berkongsi kuasa dan ekonomi (Ling Liong Sik 1995).

Setelah penjajah meninggalkan Tanah Melayu, yakni setelah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, politik perkauman menjadi semakin meruncing. Kemuncak kepada pertubuhan Cina dalam memperjuangkan dasar perkauman mereka berlaku dalam tahun 1958, apabila wujud satu kumpulan baru dalam MCA yang mencabar kewibawaan pemimpin mereka. Kumpulan ini diketuai oleh Lim Chong Eu yang tidak berpuashati dengan kepemimpinan Tan Cheng Lock yang dikatakan gagal menjaga kebajikan dan kepentingan orang Cina. Isu perkauman ini telah digunakan oleh Lim Chong Eu untuk mengalahkan Tan Cheng Lock dalam pertandingan merebut jawatan presiden MCA. Lim Chong Eu begitu hebat mengkritik Dasar Pelajaran Kebangsaan. Mereka mendesak kerajaan supaya menerima bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara (Haris Md Jadi 1990).

Keberanian orang Cina semakin ketara apabila Lee Kuan Yew menyuarakan perjuangan *Malaysian Malaysia* iaitu Malaysia untuk orang Malaysia. Perjuangan ini disambung oleh DAP sehingga ke hari ini. Dalam *Malaysian Malaysia* itu nanti kedudukan yang tinggal pada orang Melayu hanya sultan-sultan. Jawatan lain akan dijawab oleh mereka yang berkelayakan tanpa mengira kaum. Lee Kuan Yew memberikan tempoh 20 tahun sahaja kepada Malaysia berperdanamentarikan orang Melayu. Selepas itu sesiapa sahaja boleh menjadi Perdana Menteri (Siasah 2006).

Lee Kuan Yew secara terang-terang menolak hak istimewa orang Melayu. “Mengikut Sejarah” katanya, “orang-orang Melayu telah mula berhijrah ke Malaysia dalam bilangan kecil, cuma kira-kira 700 tahun yang lalu. Daripada 39 peratus orang Melayu di Malaysia hari ini, kira-kira satu pertiga daripada mereka adalah pendatang-pendatang baru seperti Setiausaha agung UMNO, Syed Ja’afar Albar, yang telah datang ke Tanah Melayu dari Indonesia sebelum

perang, ketika berusia lebih daripada 30 tahun. Oleh itu, adalah salah dan tidak logik bagi sesuatu kumpulan yang tertentu itu memikirkan bahawa hanya mereka sahaja adalah lebih adil dipanggil rakyat Malaysia dan orang lain boleh menjadi rakyat Malaysia hanya dengan kegemaran mereka". Pendek kata, Lee Kuan Yew juga menolak pendapat bahawa orang-orang Melayu adalah Bumiputera gugusan kepulauan Melayu (Comber 2007).

Kenyataan Lee Kuan Yew ini terus mempengaruhi bukan Melayu pada hari ini. Lebih dahsyat lagi ada yang berani mengatakan bahawa bumiputera yang sebenar adalah orang asli, dan bukannya orang Melayu. Orang Melayu juga adalah pendatang seperti orang bukan Melayu. Ini bermakna, seolah-olah bukan Melayu menolak negara ini berasaskan kepada sistem kenegaraan Melayu. Justeru, tidak hairan jika perkara berkaitan hak-hak istimewa orang Melayu tidak mendapat sokongan bukan Melayu sama ada secara individu, persatuan mahupun parti-parti politik mereka.

Pendek kata, peranan agen sejarah sememangnya meninggalkan impak yang besar ke atas sosialisasi politik orang Melayu dan bukan Melayu, apatah lagi apabila dilihat dari persepsi yang berbeza-beza. Bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Douglas (1967), pengaruh sejarah memang tidak dapat dipisahkan dalam proses sosialisasi politik. Sejarah telah mewujudkan masalah perkauman sehingga kini. Ratnam (1967) dan Abdullah Dahana (2002) merujuk masalah ini sebagai politik komunalisme. Ia telah meninggalkan kesan yang negatif ke atas beberapa perkara.

Pertama, tidak wujud kesatuan budaya kerana setiap bangsa mempunyai bahasa, tradisi, agama dan budaya hidup masing-masing. Kedua, tidak wujud kesatuan wilayah kerana kebanyakan orang Melayu tertumpu di kawasan pantai timur dan utara yang kurang maju, sedangkan orang Cina hidup kawasan pantai barat yang lebih maju. Ini menjadikan orang Melayu cemburu dengan kemajuan yang dicapai oleh orang Cina. Ketiga, tiadanya keserataan dalam pemusatan kekuatan ekonomi dan politik. Kuasa politik berada di tangan orang Melayu, sementara ekonomi didominasi oleh orang Cina. Ketidakseimbangan ekonomi ini menjadikan keadaan bertambah buruk. Keempat, masalah status orang Melayu. Orang bukan Melayu menganggap bahawa keistimewaan orang Melayu bersifat sementara.

Mereka mendesak supaya peningkatan terhadap hak-hak mereka turut dilakukan berpegang kepada prinsip kesamarataan. Sementara orang Melayu berkeras dengan merujuk kepada sejarah hak bumiputera mesti pertahankan dan diberi keistimewaan khusus. Sehingga kini, pertikaian tidak berkesudahan. Orang Melayu mempertahankan kedudukan mereka yang istimewa melawan bukan Melayu (Cina) yang menuntut kesamarataan. Ketidakpuasan hati orang Cina disalurkan melalui akhbar-akhbar berbahasa Cina, ucapan-ucapan awam dan perbualan sesama mereka, sehingga menimbulkan salah faham dan

kadangkala berlaku ketegangan dalam hubungan kaum di Malaysia. Inilah persepsi yang rata-rata berlaku antara kedua-dua kaum terbesar di Malaysia yang menjadi subjek kajian. Persepsi ini semakin menonjol apabila agen-agen sosialisasi politik yang lain turut mempengaruhi mereka seperti keluarga dan pendidikan yang diperolehi.

KELUARGA DAN INSTITUSI PENDIDIKAN PERKAUMAN

Hyman (1959), Almond dan Verba (1963), Dawson dan Prewitt (1969), Dowse dan Hughes (1972), Dennis (1973) dan Kavanagh (1987) meletakkan agen keluarga dan sekolah adalah yang paling dominan dalam proses sosialisasi politik. Almond dan Verba (1984) amat menekankan peri pentingnya peranan keluarga pada zaman kanak-kanak sebagai pembentukan sikap politik dan tingkah laku politik yang paling utama sebelum seseorang itu meningkat dewasa. Semua perkara yang dilalui ini akan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi (Langton 1969).

Neena Sharma (1985) turut menyokong kenyataan ini. Pengaruh keluarga amat dominan dalam sosialisasi politik, dengan tidak menafikan pengaruh agen-agen lain seperti sekolah, media massa, rakan sebaya, parti politik dan sebagainya turut menyumbang kepada proses ini. Sebelum Neena Sharma, pemikir lain seperti Wilson, Plato, Confucius, Bodin, Filmer, dan Locke bersependapat pengalaman yang dilalui zaman kanak-kanak adalah terjemahan kepada perlakuan dan pemikiran apabila menjadi dewasa (Wilson 1974). Maka, kita dapat simpulkan bahawa majoriti sarjana politik mencapai kata sepakat bahawa agen keluarga adalah unit asas dalam membuat kajian terhadap sosialisasi politik. Hyman (1959) amat menekan agen keluarga sebagai faktor yang dominan membentuk orientasi politik dan partisipasi politik dalam proses sosialisasi.

“A major class of studies which provide evidence on agents of socialization of the individual into politics involve the determination of intra-family correlations in attitude or behavior. When children and their parents are measured independently and agreements in political views are established, it supports the inference that the family transmits politics to the children” (Hyman 1959).

Menurut Hyman lagi, dengan mendengar perbualan ibu bapa ketika bersarapan, anak-anak mula membentuk corak pemikiran mereka. Pengaruh keluarga memainkan peranan dalam membentuk hubungan mereka dengan jiran, orang lain, undang-undang tempatan dan masyarakat amnya. Langton (1969), mengatakan bahawa keluarga adalah kumpulan sosial yang pertama dalam mempengaruhi kehidupan seseorang kanak-kanak. Ibu bapa dan saudara mara adalah antara terdekat yang mendidik dan berinteraksi dengan mereka dalam proses sosialisasi ini. Faktor ini turut dipersetujui oleh Jennings, Niemi,

Chaffee, McLeod dan Wackman (Dennis 1973). Sarjana tempatan, Samsudin A. Rahim (2007) turut bersependapat bahawa sosialisasi politik ialah bagaimana kita menerima norma dan nilai dan pengalaman politik dalam kehidupan kita. Adakalanya sosialisasi politik dipengaruhi oleh ibu bapa dan ahli keluarga kita dalam bentuk menerima atau menolak sesuatu parti politik.

Neena Sharma (1985) meletakkan peranan penting pendidikan formal dalam proses sosialisasi. Tema yang sama turut dibahasakan oleh Almond dan Verba (1963). Pendidikan formal akan membezakan antara orang yang mempunyai ilmu dengan orang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Langton (1969) menyokong hujah ini dengan mengatakan, sekolah berperanan untuk menanamkan kepercayaan politik secara formal melalui perancangan secara sadar dan secara tidak formal melalui pengalaman. Bagi pelajar yang mempunyai perbezaan latar belakang politik dan sosial, sekolah boleh mensosialisasikan mereka semula mengikut kumpulan yang sama sehingga melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Sejarah membuktikan bahawa penempatan keluarga Cina telah berlaku sejak mula mereka berhijrah ke Tanah Melayu, sehinggalah berlakunya penjajahan Inggeris, dan berlangsung hingga ke hari ini. Majoriti keluarga Cina tinggal di bandar, sementara orang Melayu di luar bandar (Comber 2007). Keadaan ini terbawa-bawa hingga masa kini. Kalau ada pun orang Melayu di bandar, mereka lebih selesa tinggal di kawasan perumahan yang majoriti dihuni rakan sebangsanya atau kampung-kampung baru (kampung Melayu). Begitu juga dengan orang Cina yang juga cenderung tinggal di taman perumahan yang majoriti dihuni rakan sebangsanya atau kampung baru Cina seperti yang dijelaskan oleh Strauch (1981).

Kewujudan kampung-kampung baru telah telah menimbulkan persepsi buruk antara kaum Cina dan Melayu. Apatah lagi, kampung baru Cina lebih maju daripada kampung Melayu (Comber 2007). Akibatnya, interaksi mereka hanya terbatas di kalangan keluarga dan rakan taulan sebangsa sahaja. Justeru, pemikiran mereka hanya berligar dan dipengaruhi oleh ruang lingkup persekitaran berbau perkauman. Menurut Azita Aminuddin (1996), penglibatan ibu bapa (keluarga) dalam politik mempengaruhi persepsi anak-anak melalui proses sosialisasi politik. Ini kerana, peranan keluarga dan seterusnya pendidikan yang diperolehi amat berkait rapat.

Dalam konteks Malaysia, sekolah perkauman Cina (SJKC) menjadi pilihan keluarga Cina sejak dari awal. Sejarah keluarga dan perkembangan sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu bermula sejak penghijrahan masuk orang Cina pada awal abad ke-19. Imigran Cina bukan sahaja membawa bersama-sama adat, kepercayaan, agama dan kebudayaan keluarga, tetapi juga sistem pendidikan mereka ke Tanah Melayu.

“In the middle of the 1880s the Chinese in Malaysia began running local schools for their children. School program mirrored education in China. In 1911, after the fall of the last imperial dynasty, the Qing, the school curriculum reflected a growing sense of Chinese Nationalism. Emphasis was placed on creating military spirit; drilling, uniform, and patriotic songs were incorporated into the school day” (Freeman 2000).

Perkara yang sama turut dibincangkan oleh Quek Weng Kim (2000), Purcell (1997), dan Comber (2007). Menurut Zainal Mohd Jais (1996), pendidikan berorientasikan negeri China ini langsung tidak membantu melahirkan generasi baru di Tanah Melayu. Masyarakat Cina amat mementingkan pendidikan dan memberikan penghormatan tinggi kepada pendidikan. Mereka telah mendirikan sekolah Cina melalui usaha orang perseorangan dan persatuan bagi mengekalkan warisan budaya dan bahasa mereka. Hal ini dibuktikan dengan pembinaan sekolah Cina di mana sahaja terdapat penempatan orang Cina (Sia Keng Yek 2005).

Hanya pada tahun 1920, penjajah British mula mengawal bahan pendidikan ini melalui Ordinan Pendaftaran Sekolah Cina dengan mendaftarkan semua tenaga pengajar dan memantau segala aktiviti sekolah Cina. British bimbang akan pengaruh ideologi komunis jika sekolah ini dibiarkan bebas begitu sahaja. Reaksi ini mendapat tentangan hebat daripada orang Cina. Namun demikian, sistem pendidikan Cina mula terbantut di bawah penjajahan Jepun, dan bergiat aktif semula apabila Jepun mengundurkan diri. Apabila British kembali menjajah selepas Perang Dunia Kedua, orang Cina terus menyuarakan ketidakpuasan hati mereka dan menentang dasar-dasar mengenai pendidikan kebangsaan yang mahukan bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah dan bahasa Inggeris di sekolah menengah yang diperkenalkan pada Mei 1950. Secara umum boleh dikatakan bahawa, orang Cina tidak menunjukkan sebarang minat terhadap sistem pendidikan lain, kecuali pendidikan Cina. Walaupun sistem pendidikan lain (pendidikan teras Melayu) menawarkan khidmat secara percuma atau dengan kos yang rendah, mereka tetap menyatakan tidak.

Menurut Purcell (1997), yang penting bagi mereka ialah sistem pendidikan melalui bahasa pengantar sendiri. Sentimen ini telah ditanam oleh semangat nasionalisme yang dirangsangkan melalui gerakan revolusi. Ekoran itu, British memperkenalkan pula Laporan Barnes (1950) mengenai pendidikan Melayu dan Laporan Fenn-Wu (1951)³, mengenai pendidikan Cina. Laporan Barnes mencadangkan agar sistem pendidikan harus berteraskan kepada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ditentang hebat oleh orang Cina (Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng 2000).

Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur menggesa Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina negeri-negeri lain menyokong tindakan mereka

dengan mengemukakan “Memorandum Pendidikan Persekutuan Malaya”. Sokongan ini membawa kepada penubuhan *Jiao Zong* atau Persekutuan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina pada 25 Disember 1951. Mereka mahukan supaya bahasa Cina, Tamil, Inggeris dan Melayu diberikan layanan yang sama dan disenaraikan sebagai bahasa rasmi. Pendidikan Cina hendaklah dijadikan sebagai salah satu aliran pendidikan negara.

Walaupun British telah memperkenalkan Laporan Fenn-Wu⁴, bagi menenangkan orang Cina, pada masa sama Laporan Barnes terus dikuatkuasakan. Keadaan ini menimbulkan perasaan kurang senang orang Cina. Apatah lagi dengan wujudnya Akta Pendidikan 1954 yang mahukan pelajar-pelajar yang cukup usia dihantar ke sekolah kebangsaan. Cadangan terus ditentang oleh orang Cina sehingga tertubuhnya lagi persatuan yang dikenali sebagai *Dong Zong* atau Persekutuan Lembaga Pengurus Persatuan Sekolah Cina pada 22 Ogos 1954 (Quek Weng Kim 2000).

Setelah kerajaan Perikatan mengambil alih pemerintah British, pada tahun 1955, satu laporan pendidikan baru, Laporan Razak diumumkan pada 1956. Laporan ini mencadangkan dalam tempoh 10 tahun, dua jenis sekolah rendah akan diwujudkan yakni sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris, Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar. Pada tahun 1960, kerajaan telah mengkaji semula Ordinan Pelajaran 1957 melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib yang akhirnya dikenali sebagai Laporan Rahman Talib (Asnarulkhadi & Jayum A. Jawan 2001; Haris Md Jadi 1990; Oong Hak Ching 2000).

Laporan ini diluluskan pada Ogos 1960 dan dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961 pada Oktober 1961. Antara perkara penting dalam laporan ini ialah pertama, Sekolah Kebangsaan yang diumumkan terdiri daripada pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Kedua, Sekolah Jenis Kebangsaan yang umumnya terdiri daripada pelajar Cina dan India, menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Cina dan bahasa Tamil dijadikan salah satu mata pelajaran sekolah.

Orang Cina telah bertindak balas dengan keras terhadap dasar ini. Mereka menuntut agar bahasa Cina turut diperakui sebagai bahasa rasmi setanding bahasa Melayu dan Inggeris. Ternyata isu bahasa dan pendidikan amat sensitif dan menyinggung perasaan orang Cina. Orang Cina menganggap dasar ini adalah sebagai percubaan untuk menafikan hak anak-anak mereka terhadap bahasa dan kebudayaan mereka di samping bertujuan mengasimilasikan dengan bangsa Melayu (Comber 2007). Pendek kata, akta demi akta berkaitan bahasa dan pendidikan⁵ yang diperkenalkan oleh kerajaan pada ketika itu terus tidak disenangi oleh kaum Cina. Apatah lagi bermula 1962, kerajaan telah

umumkan subsidi penuh hanya diberikan kepada dua jenis sekolah. Sekolah Cina diberikan dua jenis pilihan, sama ada menerima penukaran sistem menjadi sekolah kebangsaan yang diberikan subsidi penuh atau berdikari dan hanya perlu mematuhi peraturan kerajaan.

Pada Januari 1962, sebanyak 54 Sekolah Menengah Cina setuju, jumlah selebihnya 16 buah enggan, menjadi sekolah persendirian. Perkembangan seterusnya membawa kepada kewujudan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Ada sarjana yang menganggap bahawa sikap menentang ini berlaku disebabkan oleh dasar-dasar kerajaan lebih berpihak kepada orang Melayu dan tidak kepada kaum lain seperti yang dinukilkan oleh Ratnam (2002).

“The government’s educational policy, which is biased towards expanding opportunities for educational advancement of Malays, has created a certain degree of frustration and disillusionment among non-Malays. The availability, or lack thereof, of educational opportunity could well be a critical factor shaping the political attitudes of a younger generation”
(Ratnam 2002).

Hujah Ratnam (2002) ini ada kebenarannya kerana orang Cina amat takut dengan sesuatu dasar yang boleh menggugat kepentingan mereka. Pertubuhan Cina tidak pernah bersetuju dengan dasar-dasar kerajaan ini kerana ditakuti akan menyebabkan bahasa dan budaya ibunda mereka terhapus. Mereka mahukan juga bahasa Cina turut diperakui sebagai bahasa rasmi sebagaimana bahasa Melayu dan Inggeris. Dengan sebab itu, sekitar tahun 1960-an, mereka melancarkan kempen untuk menubuhkan Universiti Merdeka, menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar.

Selain *Huatuan*, ketiga-tiga parti politik Cina, MCA, Gerakan dan DAP menyokong penuh idea ini. Namun, ia mendapat tentangan hebat daripada UMNO. Tidak puas hati dengan keputusan kerajaan menolak penubuhan Universiti Merdeka, mereka mencabar dengan membawa perkara ini ke Mahkamah Tinggi. Sekitar tahun 1980-an, mahkamah membuat keputusan menolak permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka. Tidak puas hati dengan keputusan itu, DAP mengeksploitasi isu Universiti Merdeka dengan mengatakan kerajaan BN cuba mewujudkan satu budaya = budaya Melayu, satu bahasa = bahasa Melayu dan satu agama = agama Islam (James Chin 2001).

Isu pendidikan Cina ini tidak hanya berlaku di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak⁵. Sia Keng Yek (2005) membuat kajian yang mendalam mengenai sistem pendidikan Cina di Malaysia banyak membincangkan bagaimana orang Cina akan bermati-matian mempertahankan sistem pendidikan mereka yang sedia ada walau apa jua terjadi sekalipun. Sebarang usaha untuk

mengubah sistem pendidikan akan ditentang habis-habisan oleh parti-parti politik Cina seperti MCA, Gerakan dan DAP serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan Cina *Dong Jiao Zong* dan Pertubuhan Cina Malaysia atau lebih dikenali secara kolektif sebagai *Huatuan*.

Sikap orang Cina semakin terserlah dalam isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik di semua semua sekolah yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2002. Walaupun kelihatan berlaku pertikaman lidah antara parti-parti Cina, MCA dan Gerakan (parti kerajaan) dengan DAP (pembangkang), tetapi suara mereka tetap senada. Mereka tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan melaksanakan dasar ini melibatkan sekolah Cina. Bagi mereka, mata pelajaran tersebut mesti diajar dalam bahasa ibunda. Lebih-lebih lagi DAP, tidak habis-habis membangkitkan isu dan menentang sebarang cubaan mengganggu kurikulum sekolah Cina. Ucapan Lim Guan Eng (2005), Setiausaha Agong DAP, pada 12 November 2005 dapat memberikan gambaran tersebut:

“DAP will stand firm in opposing the 2-4-3 formula and restore the teaching of Maths and Science in mother-tongue language even though MCA has abandoned the Chinese community and Koh Tsu Koon is forced to eat back his words”.

Walaupun beliau turut menyindir parti Gerakan, tetapi hakikat sebenarnya, Gerakan masih berjuang seperti DAP, menentang sebarang campur tangan kerajaan berkaitan pendidikan sekolah Cina. Bekas Perdana Menteri, Mahathir Mohamad amat tidak senang dengan kenyataan tersebut. Keadaan sudah buruk dengan mereka tidak pergi ke sekolah yang sama. Orang Cina diajar dalam bahasa Cina, sementara yang India menggunakan bahasa Tamil, mereka tidak akan bercakap di antara satu sama lain langsung, dan mereka tidak memerlukan antara satu sama lain. Setiap kali kerajaan berusaha untuk merapatkan hubungan, ada sahaja yang menghalang supaya kita terus jauh di antara satu sama lain (Mingguan Malaysia 2005).

Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Wan Mohd Zahid Wan Mohd Nordin turut memberikan komen yang hampir serupa. Jelasnya, masyarakat Cina mesti meletakkan kepentingan kebangsaan di tempat yang teratas bukannya kepentingan etnik. Ini bukan bermakna, setiap etnik akan melupakan asal usul mereka, akan tetapi kepentingan nasional hendaklah mendahului yang lain. Sama seperti di Amerika, pelbagai etnik hidup dalam negara tersebut, tetapi mereka bangga dengan mereka sebagai rakyat Amerika (Mingguan Malaysia 2005).

Dalam menentang dasar ini, *Dong Jiao Zong*, yang diketuai Yap Sin Tian, telah menganjurkan satu perhimpunan yang dihadiri oleh 3,500 perwakilan daripada 600 pertubuhan (majoriti *Huatuan*) mengenai bantahan dasar

pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada 10 Disember 2005 (Siasah 2006). Menurut beliau, perhimpunan tersebut bukan bersifat perkauman. Setiap kaum ada bahasa ibunda. Maka, penentangan ini lahir dari semua kaum, bukan Cina sahaja. Pada pandangan pengkaji, bukan soal kaum lain (termasuk orang Melayu) menentang penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek sains dan matematik, tetapi isu yang lebih besar ialah penolakan mereka terhadap sebarang usaha untuk mengikis jati diri dan identiti sekolah Cina. Inilah peranan mereka sejak dahulu lagi dan sampai sekarang, perjuangan mereka tidak pernah berubah.

“Chinese education and language have been important communal issues to the Chinese in Malaysia just like Islam in the major issue to the Malays” (Suryadinata 1989).

Menurut Tan Liok Ee (1989), isu pendidikan Cina merupakan isu yang amat sensitif dalam politik Malaysia kerana masyarakat Cina amat mementingkan identiti mereka. Inilah juga perjuangan *Dong Jiao Zong*⁶ sejak dahulu lagi sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan. Bagi mereka, sekolah Cina mesti dipertahankan bagi pembentukan jati diri orang Cina (Utusan Malaysia 2005). Pendidikan Cina adalah perjuangan antara hidup dan mati orang Cina.

Mengulas lebih lanjut, akhbar Cina, *Shin Chew Daily* memuji usaha-usaha yang dilakukan oleh persatuan-persatuan Cina ini. Ketabahan mereka, yang mana telah berjaya menempuh zaman penjajahan British dan kekejaman tentera Jepun, telah membawa kepada kewujudan 1,288 buah SJKC, 60 buah Sekolah Menengah Cina, serta tiga IPTS Cina di negara ini. Sejarah yang mereka tempuhi tidak sama dengan orang lain, penuh dengan liku dan cabaran. Seringkali terhimpit dalam banyak ketidaktentuan. Mereka mara tanpa menoleh ke belakang lagi. Mereka berada dalam keadaan selesa dan mencipta banyak kejayaan. Melalui sumbangan tanpa henti daripada pelbagai pihak, ia kini telah menjadi signifikan dalam sejarah pendidikan negara. Hari ini, terdapat lebih kurang 640,000 orang pelajar yang bersekolah di SJKC. Hampir satu per sepuluh atau 60 ribu daripadanya merupakan pelajar bukan Cina. Jika tidak kerana SJKC di seluruh Malaysia telah penuh sesak, lebih ramai ibu bapa bukan Cina dijangka akan memasukkan anak mereka di sana (Malaysia Today 2005).

Dalam kajian yang dibuat oleh Yew Yeok Kim (1973, 1982) dan Suryadinata (1989) mengenai pendidikan masyarakat Cina, beberapa penemuan mengenai sikap dan tingkah laku orang Cina (pelajar) diperolehi. Terdapat perbezaan sikap (persepsi) antara pelajar Cina yang mendapat pendidikan sekolah Cina dengan pelajar Cina yang mendapat pendidikan Inggeris. Pelajar Cina yang mendapat pendidikan Inggeris kurang identiti kecinaannya, lebih mudah bergaul dengan bangsa lain dan memudahkan proses integrasi nasional. Manakala pelajar yang mendapat pendidikan sekolah Cina adalah sebaliknya. Keadaan

menjadi semakin buruk apabila wujudnya parti-parti politik berasaskan kaum yang menjadikan pengaruhnya turut merebak kepada institusi keluarga dan pendidikan. Apabila proses sosialisasi ini berlaku, maka menurut Funston (2001), setiap etnik akan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing terutama hal-hal yang berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan.

“Politics has mainly been articulated in communal terms. Most political parties have organized along ethnic lines, and have sought to maximize political power and economic benefits for a particular ethnic group, and promote group interests in areas such as language, education and culture. Conflicting demands have been mediated by leaders of the multi-ethnic governing coalition. Malay-Chinese rivalry has been the main centre of conflict, but Malay relations with indigenous groups in Sabah and Sarawak have also been difficult” (Funston 2001).

Kesannya, sekolah Cina kekal dengan identiti kecinaannya. Integrasi nasional masih lagi jauh untuk dicapai akibat proses sosialisasi. Ini kerana, bahasa adalah persoalan yang merumitkan dalam masyarakat yang berbilang kaum kerana ia boleh menjadi penghalang kepada integrasi jika kumpulan ras dan etnik yang berlainan mahukan pengekalan bahasa-bahasa mereka sebagai alat untuk menyampaikan kebudayaan dan nilai-nilai sosial (Haris Md Jadi 1990). Walaupun hujah beliau ini tidak boleh dijadikan asas kukuh dalam mengukur keberkesanan integrasi nasional, namun sedikit sebanyak sistem yang wujud telah menyebabkan jurang interaksi kaum menjadi longgar. Pendapat hampir serupa diutarakan oleh Ramon Navaratnam⁸, beliau tidak bersetuju dengan kewujudan sekolah berasaskan bangsa seperti sekolah Cina dan sekolah Tamil kerana ia membantutkan perpaduan kaum. Kerajaan sepatutnya mewujudkan satu sekolah sahaja iaitu sekolah kebangsaan dan penampilannya hendaklah menarik orang Cina dan India. Beliau mengakui, sekolah kebangsaan mempunyai banyak kelebihan. Selain dari mempunyai pelbagai kemudahan, bangunan yang cantik dan guru-guru mencukupi, ia juga boleh meningkatkan taraf pendidikan negara (Siti Mariam 2006).

Sejarah membuktikan bahawa adalah suatu yang amat memeritkan bagi kerajaan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Penentangan demi penentangan dibuat oleh orang bukan Melayu. Orang bukan Melayu mahukan juga bahasa mereka diiktiraf sebagai bahasa rasmi juga.

Menurut Kayveas, dalam membentuk bangsa Malaysia melalui sistem pendidikan dan bahasa pengantar yang sama, pemimpin BN mestilah berani dalam membuat keputusan berkaitan dengannya. Beliau percaya 90 peratus rakyat akan patuh dan mengikutinya. Untuk membentuk bangsa Malaysia, tidak perlu banyak aliran dalam pendidikan. Satu masa dulu kita ada satu sistem aliran. Satu sistem yang baik. Satu kesalahan besar yang kita buat, ialah

tukar sistem, tukar bahasa pengantar di sekolah. Inilah kesilapan besar yang telah berlaku. Beliau memberi contoh negara India. Tidak ada sekolah Tamil. Semua sekolah menggunakan Bahasa Inggeris. Tetapi bahasa Tamil dibenarkan untuk dipelajari. Hasilnya, India telah muncul sebagai negara dunia ketiga hebat, walaupun ia negara yang paling miskin. Beliau mencadangkan agar mencontohi negara Singapura. Mulai tahun 1978, mereka tukar aliran menjadi satu sahaja. Ketika itu ada yang menyatakan bahawa tindakan itu menyebabkan dia (pemimpin) kalah pilihan raya tetapi keadaan berlaku sebaliknya (Siasat 2006).

Ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh sekumpulan pensyarah di Universiti Utara Malaysia terhadap pelajar-pelajarnya yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Kebanyakan pelajar-pelajar mempunyai sentimen perkauman yang tinggi. Polarisasi di alam kampus amat membimbangkan. Para pelajar lebih suka bergaul dengan kaum sendiri dalam segala hal. Semua ini berlaku disebabkan oleh proses sosialisasi yang dilalui sebelum memasuki alam kampus (Mansor Mohd Nor et al. 2006). Dalam konteks institusi pengajian tinggi di Malaysia, terdapat 20 Insituti Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 32 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Ini tidak termasuk IPTS lain yang tidak disenaraikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, yang dikategorikan sebagai lain-lain IPTS yang diluluskan (Kementerian Pengajian Tinggi 2006).

Daripada senarai IPTS ini, kerajaan telah meluluskan penubuhan universiti berasaskan kaum atau parti politik, yakni Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) kepunyaan Parti politik Cina (MCA) pada tahun 2002 (Kementerian Pengajian Tinggi 2006, 2007). Ini tidak termasuk Kolej Tunku Abdul Rahman kepunyaan parti MCA yang tidak disenaraikan. Dalam beberapa siri lawatan pengkaji ke sana, boleh dikatakan hampir seratus peratus pelajar UTAR adalah terdiri daripada kaum Cina.

Senarai IPTS Kementerian Pengajian Tinggi, tidak termasuk Universiti Terbuka Wawasan (IPTS) yang memulakan pengajian dan pengambilan pelajar pada awal tahun 2007. Satu lagi IPTS kepunyaan sebuah parti politik Cina (Gerakan). Ia telah diluluskan pendaftarannya pada 6 Jun 2006⁹. Setakat kajian ini ditulis, dua universiti berasaskan kaum, kepunyaan parti politik Cina, telah diluluskan pendaftaran dan telah beroperasi. Sebuah universiti kepunyaan MIC turut diluluskan (AIMST = Asian Institute of Medical Science and Technology). Ini tidak termasuk kolej-kolej swasta yang dipunyai oleh NGO-NGO Cina (*Huatuan*) seperti *Dong Jiao Zong* dengan Kolej New Era, Kajang, Selangor. Kolej ini menggunakan hampir seratus-peratus bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar.

Tindakan kerajaan meluluskan penubuhan IPTS kepunyaan dua parti politik Cina ini merumitkan lagi usaha integrasi nasional dalam masyarakat majmuk. Institusi Pengajian Tinggi berasaskan kaum tidak akan mendatangkan

kesan positif terhadap hubungan kaum seperti yang telah berlaku di peringkat sekolah, SJKC. Malah akan menimbulkan pelbagai persepsi negatif hasil daripada proses sosialisasi yang dilalui. Kita sedia maklum, proses sosialisasi politik keluarga dan pendidikan Cina tidak mengubah pendirian mereka daripada mempertahankan semangat kecinaan mereka. Dalam kajian yang dibuat oleh laman sesawang Malaysia-today sempena sambutan kemerdekaan ke 48, menyebut dengan jelas bagaimana sistem pendidikan gagal menjadi alat penyatuan kaum¹⁰. Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa peranan agen keluarga dan pendidikan amat dominan dalam proses sosialisasi (Langton 1969). Walaupun agen sekolah diletakkan sebagai agen kedua pentingnya dalam sosialisasi politik, tetapi pengaruhnya memang tidak boleh dinafikan kerana ia amat berkait rapat dengan keluarga, disebabkan keluarga yang menentukan proses persekolahan anak-anak mereka.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa kepentingan etnik adalah segala-galanya bagi kaum-kaum yang ada di negara ini berbanding kepentingan kepentingan nasional. Jayum (2003) memetik kata-kata Furnival yang berbunyi:

“they mixed but were not united, they lived side by side yet divided in the same political system, each held steadfastly to their own culture, religion and language, they met in supermarkets while doing their shopping and after that each returned to their own places, in the field of work, there is clear division of job based in their racial background” (Jayum 2003).

Sosialisasi politik sama ada secara asuhan atau semulajadi (*nurture* atau *nature*) telah mewujudkan persepsi dan prejudis yang tidak sihat antara kedua kaum ini. Asimilasi tidak berlaku, penyesuaian diri juga tidak berlaku dan ia berakhir dengan berlaku ketidakseimbangan (Douglas 1967; Kamrava 1996). Masing-masing meletakkan kepentingan etnik di hadapan berbanding kepentingan nasional. Pada persepsi orang Cina keadilan adalah kesaksamaan dan kesamarataan bagi semua warganegara tanpa mengira bumiputera atau bukan (Faaland et al. 2005).

Kenyataan sebegini sama sekali tidak dapat diterima oleh orang Melayu (UMNO). Kontrak sosial yang dipersetujui bersama sudah menjelaskan bahawa tidak ada kesaksamaan antara Melayu (bumiputera) dan bukan Melayu, yang boleh diwujudkan adalah keadilan berpandukan perlembagaan. Mohamad Khir Toyo (2008) menegaskan, Islam sebenarnya menolak kesamarataan tetapi menegakkan keadilan, yang mana meletakkan agama Islam di tempat yang tinggi dengan membenarkan agama lain dianuti oleh umat lain. Inilah asas perjuangan orang Melayu yang *moderate*.

Keadilan di sini ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya atau memberi sesuatu kepada yang berhak. Misalnya keadilan dalam konteks Malaysia ialah mengekalkan hak-hak orang Melayu, agama Islam, Sultan Melayu dan Bahasa Melayu seperti yang dipersetujui semasa kemerdekaan. Dalam masa yang sama, Melayu *moderate* akan memastikan hak-hak orang bukan Melayu yang dijanjikan akan terus kekal. Ini termasuk memperakui kewarganegaraan mereka, hak mereka untuk mengundi, berniaga, mendapat pendidikan dalam bahasa ibunda masing-masing, dan mengamalkan kepercayaan dan adat resam masing-masing (Mohamad Khir 2008).

UMNO, menurut Mohamad Khir (2008) mesti kekal di landasan *moderate* yang berjuang menegakkan keadilan, menolak kesamarataan kerana jika UMNO berubah kepada lebih liberal, dibimbangi kaum lain tidak akan berbuat perkara yang sama dan akhirnya UMNO akan dilihat lebih banyak memberi apa yang orang Melayu miliki kepada bangsa lain. Bangsa lain juga perlu mengorbankan kepentingan kaumnya bukan sahaja UMNO. Jika perpaduan nasional dan juga kesamarataan menjadi pilihan, bangsa lain perlu sanggup mengorbankan sistem pendidikan mereka seperti yang berlaku di negara Singapura. Jika tidak, tiada sebab mengapa UMNO harus bergerak daripada *moderate* kepada perjuangan yang lebih liberal.

Justeru, dalam usaha untuk merealisasikan integrasi perpaduan agar menjadi realiti maka kita perlu lebih banyak melahirkan orang-orang seperti Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan. Tun Tan Siew Sin, bekas presiden MCA, pada 30 April 1969 yang dipetik oleh dalam buku Khalid Awang Osman (t.th) pernah berkata, “orang Melayu menerusi UMNO bermurah hati melonggarkan syarat-syarat dalam undang-undang negara ini sehinggakan dalam masa 12 bulan selepas kemerdekaan, 90 peratus penduduk bukan Melayu telah menjadi warganegara. Ini berbeza dengan keadaan sebelum merdeka di mana 90 peratus daripada mereka masih tidak diiktiraf sebagai rakyat Tanah Melayu walaupun hampir 100 tahun hidup di bawah pemerintahan penjajah. Sebagai membalas kemurahan hati orang Melayu, MCA dan MIC bersetuju meneruskan dasar memelihara dan menghormati kedudukan istimewa orang Melayu dan dalam masa yang sama mempertahankan kepentingan sah kaum lain”.

Sebelum itu, Tun V.T Sambanthan, bekas presiden MIC, pada 1 Jun 1965 pernah berkata, “pada tahun 1955 kita telah memenangi pilihan raya dengan majoriti yang tinggi, selanjutnya mendapat kemerdekaan dalam masa dua tahun kemudian. Dalam jangka masa itu, kita terpaksa berbincang dan menangani pelbagai perkara termasuk soal kewarganegaraan. Persoalannya di sini, apakah yang dilakukan oleh Orang Melayu memandangkan kita bercakap menyentuh perkauman? Apakah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Melayu? Mereka mempunyai 88 peratus daripada pengundi menyokong mereka. Apakah yang mereka putuskan mengenai isu kewarganegaraan? Jika kita lihat di serata

negara Asia dan Asia Timur, kita akan mendapati kaum India tidak akan diterima di Ceylon dan juga tidak diterima di Burma. Sama halnya dengan kaum Cina, mereka tidak diterima di Thailand, Vietnam, Kemboja dan di negara-negara lain. Apakah bantuan berhubung kewarganegaraan yang mereka perolehi di semua wilayah tersebut? Di Burma, seperti yang kita semua sedia maklum, kaum India telah diusir keluar, di Ceylon mereka tidak diberikan taraf warganegara seperti juga di Burma. saya tahu dan anda juga tahu. Apa yang sedang berlaku di Malaya? Di sini kita mendapati pemimpin Melayu berkata, “Kita akan menerima mereka sebagai saudara, kita akan berikan mereka sepenuh peluang untuk meneruskan kehidupan di negara ini, kita akan beri mereka peluang untuk menjadi warganegara”. Seterusnya pada tahun 1957, dengan tidak mengambil kira kebolehan berbahasa (Melayu) ribuan orang India, Cina dan Ceylon menjadi warganegara. Seperti yang saya nyatakan, saya amat bernasib baik kerana dilahirkan di negara ini. Di manakah anda boleh berjumpa bangsa yang lebih prihatin, bersopan-santun dan tertib selain dari Bangsa Melayu. Di manakah anda boleh mendapat layanan politik yang baik untuk kaum pendatang? Di manakah dalam sejarah dunia? Saya bertanya kepada anda. Ini adalah fakta. Siapakah anda untuk menjaga keselamatan kami? Saya adalah kalangan 10 peratus kaum minoriti di sini. Tetapi saya amat gembira di sini”.

Persoalannya, berapa ramai orang-orang bukan Melayu seperti Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan yang telah berjaya kita lahirkan? Rata-rata yang ada adalah mereka yang terdiri daripada kumpulan yang mahukan keadilan melalui konsep sama rata dan sama rasa. Keadilan tidak lagi dilihat menurut definisi yang betul yakni, meletak sesuatu pada tempatnya. Tetapi apabila keadilan dilihat semata-mata dari sudut konsep sama rasa, sama rata yakni jika orang Melayu dapat sebiji, maka orang bukan Melayu perlu juga diberi satu biji. Jika dua biji diberikan kepada orang Melayu, satu biji kepada bukan Melayu, maka itu tidak adil, tanpa mahu mengkaji atau sengaja buat-buat tidak faham kenapa keadaan sebegini wujud. Ini politik kurang matang yang telah menyelubungi politik Malaysia sekian lama. Justeru, tidak hairan jika wujud ketegangan dan tuntutan-menuntut yang tidak pernah habis.

Nota hujung

¹ Menurut Chandra Muzaffar, Malaysia adalah sebuah negara berasas kepada sistem kenegaraan Melayu. Orang Cina yang mendatang dapat menjadi warganegara disebabkan oleh proses akomodasi orang Melayu dalam memberikan kewarganegaraan secara terbuka kepada yang berhak tanpa mengira latar belakang. Melalui proses akomodasi para pemimpin ketika itu, lebih sejuta orang bukan Melayu, sebahagian besarnya imigran, diterima secara automatik sebagai warganegara dan diberikan *Jus Soli*. Melalui proses kewarganegaraan yang dikatakan sebagai *stroke of a pen*, demografi negara berubah serta merta. Hampir 40 peratus daripada warganegarannya adalah orang bukan Melayu. Sebuah negara Melayu tiba-tiba menjadi masyarakat berbilang kaum. Keadaan ini tidak pernah berlaku dalam sejarah dunia. Contohnya, nasionalisme bangsa Filipina dan Vietnam

melahirkan negara Filipina dan Vietnam tetapi nasionalisme Melayu yang diperjuangkan lama sebelum kemunculan UMNO sebaliknya tidak melahirkan sebuah negara Melayu (Mingguan Malaysia 28 Ogos 2005).

² Perlu dingatkan bahawa, hubungan kaum (Melayu-Cina) semakin parah semasa penjajahan Jepun (1942-1945) di Tanah Melayu. Jepun mempunyai sejarah permusuhan dengan negeri China yang agak panjang. Perang China-Jepun 1937, adalah kemuncak kepada permusuhan dua buah negara ini. Jepun menganggap orang Cina sebagai musuh tradisi. Orang Cina seberang laut (Tanah Melayu) tidak ketinggalan menjadi mangsa. Orang Cina mendapat layanan yang buruk berbanding Melayu. Beribu-ribu orang Cina telah dibunuh oleh Jepun. Ini tidak termasuk mereka yang disiksa dan dianiayai. Ramai orang Cina melarikan diri ke hutan. Sebagai tindakbalas, orang Cina menyertai Parti Komunis Malaya (PKM). Dalam usaha untuk menghapuskan orang Cina (PKM), Jepun menggunakan orang Melayu yang bertugas sebagai polis untuk menentang orang Cina. Hubungan kedua kaum ini semakin renggang (Mohd Ridhuan Tee, 2006, Dec 26). Apabila Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945, British kembali semula memerintah Tanah Melayu. Usaha-usaha dilakukan untuk memupuk perpaduan kaum dan semangat muhibah. British mengumumkan rancangan Malayan Union pada tahun 1946. Dalam rancangan ini, British mahu menubuhkan sebuah negeri bersatu dan mencipta satu kewarganegaraan yang sama rata untuk semua kaum. Kerajaan British berkuasa penuh terhadap pentadbiran Tanah Melayu. British berpendapat dengan wujudnya pentadbiran secara berpusat pentadbiran Tanah Melayu akan menjadi lebih berkesan dan cekap. Mereka bersetuju memberikan kemerdekaan kepada negara orang Melayu, hanya jika mereka bersetuju berkongsi kuasa politik dan ekonomi dengan kaum-kaum yang datang (Ling Liong Sik, 1995: 4). Pada ketika itu, seramai 1,285,000 orang Cina berada di Tanah Melayu, 33.9 pertambahan penduduk ketika itu. Pada tahun 1947, jumlah ini terus meningkat kepada 1,885,000, mewakili 38.4 peratus pertambahan penduduk (Haas 1967). Dalam kajian yang dilakukan oleh Ardizzone (1946), Suntharalingam dan Abdul Rahman Ismail (1985), jika dicampurkan dengan imigran lain, bilangan mereka (Malayans) telah melebihi penduduk asal (Malays) pada tahun 1946. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kepada orang Melayu.

³ Kedua-dua jawatankuasa berasaskan kaum ini dibentuk untuk membuat kajian ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah Melayu dan Cina. Haas (1967) membahaskan dengan panjang lebar mengenai penentangan orang Cina terhadap dasar pendidikan dan bahasa kebangsaan.

⁴ Laporan Fenn-Wu dibentuk untuk mengkaji pendidikan Cina di Tanah Melayu. Antara syornya ialah Sekolah Cina dibenarkan beroperasi dan tidak akan dihapuskan. Bahasa Cina juga tidak akan diabaikan. Cuma, buku-buku teks yang digunakan harus berorientasikan kepada Tanah Melayu bukan berkiblatkan Negeri China.

⁵ Antaranya adalah Dasar Pendidikan Kebangsaan 1961 dan Sistem Pendidikan Aneka Jurusan 1965 (Laporan Aminuddin Baki) yang digubal berdasarkan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Matlamat utama dasar ini adalah untuk mewujudkan persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat (Asnarulkhadi & Jayum A. Jawan 2001).

⁶ Pengaruh penentangan sistem pendidikan ini dapat dilihat juga dengan mengambil contoh sistem pendidikan sekolah Cina di Sarawak semasa pemerintahan Brooke (1841-1941), semasa penjajahan

Jepun (1941-1945) dan selepas penjajahan Jepun. Orang yang berpendidikan aliran Cina tetap mahukan sekolah Cina dikekalkan. Menurut Ooi Keat Gin, yang banyak membuat kajian sistem pendidikan di Sarawak ketika era pemerintahan Brooke dan selepasnya berpendapat, kebangkitan politik Cina ini menjadi ketara atas kontroversi *Kuo-yu* dan isu pemindahan sekolah beraliran Cina kepada aliran Inggeris pada tahun 1950-an. *Kuo-yu* ialah bahasa vernakular Cina yang telah dijadikan bahasa pengantar di sekolah selepas “Gerakan 4 Mei 1919” di negeri China. *Kuo-yu*, yang lebih ringkas dan mudah dipelajari, menggantikan bahasa Cina klasik yang didapati pelik dan sukar dikuasai, maka ia hanya diketahui oleh segolongan kecil sahaja, khasnya kaum intelek. Rancangan pihak pentadbiran Pejabat Penjajahan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran di sekolah menengah membangkitkan kemarahan dan tentangan daripada masyarakat Cina. Hujah mereka tidak lain untuk memelihara bahasa, pendidikan, identiti dan kebudayaan Cina. Bukan setakat itu sahaja, malahan tuntutan orang Cina juga mahukan sekolah Cina diasingkan daripada sekolah lain. Golongan selepas perang ini amat kuat *cauvinis* dan kuat menegaskan ‘kecinaan’ mereka. Orang Cina berpendidikan Inggeris tidak menyokong meneruskan pendidikan berdasarkan garis-garis kaum kerana akan menonjolkan perbezaan di antara mereka dengan saudara mara yang berpendidikan Cina. Menurut Ian Morrisson, semasa pentadbiran Brooke, hubungan orang Cina dan pribumi memang mempunyai masalah. Pelbagai persepsi dan prasangka wujud di kalangan pribumi (Iban) terhadap orang Cina. Orang Iban tidak suka kepada orang Cina. Orang Cina pula mempunyai persepsi yang buruk lagi dengan menganggap orang Iban dan pribumi yang lain sebagai orang kasar dan tidak bertamadun (Mahani Musa & Tan Liok Ee 2000).

⁷ *Dong Jiao Zong* adalah Gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-Sekolah Cina Malaysia (*Dong Zong*) dan Pertubuhan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (*Jiao Zong*). Pertubuhan diwujudkan sebelum merdeka lagi, untuk mempertahankan hak-hak orang Cina terutama isu bahasa dan sekolah Cina. Pertubuhan ini memiliki sebuah kolej swasta yang turut menjadi kajian pengkaji iaitu Kolej New Era.

⁸ Tan Sri Ramon Navaratnam adalah bekas Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan, sekarang ini adalah Penasihat Korporat Kumpulan Sunway dan Presiden, Transparency International Malaysia.

⁹ Maklumat lanjut lihat, “Maklumat IPTS”. http://www.phed.gov.my/Services/PIInstitusi_Details.aspx?TID=514. Pengkaji telah pergi sendiri ke Bahagian IPTS, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai UTAR dan Universiti Terbuka Wawasan. Malangnya, KPTM tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai universiti terbabit, seperti kadar statistik pelajar mengikut kaum.

¹⁰ Seorang pelajar Cina, Kathleen Chong yang ditemubual, berusia 24 tahun, menceritakan pengalamannya belajar di Universiti Putra Malaysia. Malaysia sering mendabik dada sebagai negara contoh, negara berbilang bangsa yang aman, tetapi setelah hampir separuh abad usia negara ini, kaum-kaum yang menjadi rakyatnya hidup terasing antara satu sama lain. Sekolah berasingan, kawan berasingan dan kehidupan sosial berasingan. Katanya lagi, ramai yang kesal dengan jurang yang timbul antara kaum majoriti Melayu dengan bangsa Cina serta India yang hidup bersama mereka di bumi Malaysia. Beliau sedih melihat sikap berpuak-puak mengikut kaum

di dalam kampus. Mereka hanya bercampur dengan bangsa masing-masing sahaja. Komunikasi antara kaum adalah sangat terhad. Beliau merayu agar rakyat Malaysia menikmati perpaduan kaum sebenar. Kerajaan perlu menghalang jurang antara kaum ini daripada terus membesar. Beliau sendiri mengakui bahawa dia hanya bercampur dengan kawannya yang berbangsa Cina sahaja ketika menghadiri kelas, aktiviti dan juga ketika waktu makan. Itulah yang dilakukan oleh setiap kaum di dalam kampus (<http://www.malaysia-today.net/blog/2005/09/kaum-di-malaysia-hidup-aman-tapi.htm>. 1 Sept 2005 dan <http://www.malaysia-today.net/Blog-e/2005/08/malaysias-races-live-peacefully-but.htm>. 29 August 2005).

RUJUKAN

- Abdullah Dahana. 2002. *China dan Malaysia dalam Arena Perang Dingin 1949-74*. Bangi: Penerbit UKM.
- Almond, G. A & Verba, S. 1963. *The Civic Culture*. Princeton: Princeton University Press.
- Almond, G. A. & Verba, S. 1984. *Budaya Politik: Tingkahlaku Politik dan Demokrasi di Lima Negara*. Jakarta: P. T. Bina Aksara.
- Ardizzone, M. 1946. *A Nation is Born*. London: Forum Books.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan 2001. *Kenegaraan Malaysia. Serdang*: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azita Aminuddin. 1996. Sosialisasi Politik: Nasionalise-Patriotisme dan Kesedaran Politik di Kalangan Mahasaiswa di Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Latihan Ilmiah. Jab Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya
- Comber, L. 2007. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu – Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Dawson, R.E. & Prewitt, K 1969. *Political Socialization*. Boston: Little, Brown & Co.
- Dennis, J. 1973. *Socialization to Politics: A Reader*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Douglas, S.A. 1967. *Political Socialization and Student Activism in Indonesia*. Illinois: University of Illinois.
- Dowse, R. E. & Hughes, J. A. 1972. *Political Sociology*. London: John Wiley & Sons.

- Faaland, J., Parkinson, J. & Saniman, R. 2005. *Growth and Ethnic Inequality: Malaysian's new Economic Policy*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Freeman, A. L. 2000. *Political Participation and Ethnic Minorities*. Routledge: New York.
- Funston, N. J. 2001. *Government and Politics in Southeast Asia*. London: Zed Books Ltd.
- Haas, R. H. 1967. *The Malayan Chinese Association, 1958-1959: An Analysis of Differing Conceptions of the Malayan Chinese Role in Independent Malaya*. Tesis Sarjana. Department of Political Science, Northern Illinois University.
- Haris Md. Jadi. 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hyman, H. H. 1959. *Political Socialization, A Study in the Psychology of Political Behaviour*. New York: The Free Press.
- James Chin. 2001. *Malaysian Chinese Politics in the 21st Century: Fear, Service and Marginalisation*. *Asian Journal of Political Science* 9 (2): 78-94.
- Jayum A. Jawan, 2003. *Malaysian Politics & Government*. Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Kamrava, Mehran. 1996. *Understanding Comparative Politics, A Framework for Analysis*. London: Routledge, London.
- Kavanagh, D. 1987. *Budaya Politik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. *Perangkaan Sepintas Lalu Pengajian Tinggi Malaysia 2005*. Putrajaya: Bahagian Perancangan & Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2007. *Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2006*. Putrajaya: Bahagian Perancangan & Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Khalid Awang Osman. t.th. *Malaysia – An Anthology*. New York: Vantage Press.

- Langton, K.P. 1969. *Political Socialization*. New York: Oxford University Press.
- Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng (pnyt.). 2000. *The Chinese in Malaysia*. Selangor: Oxford University Press.
- Lee Kuan Yew. 1998. *The Singapore Story*. Singapura: Times Editions Pte Ltd.
- Lim Guan Eng. 2005. How Can MCA Still Not Have Any Position On The 2-4-3 Formula When The Government Has Implemented The Teaching Of Science And Maths In English For 3 Years?. <http://www.dapmalaysia.org/english/2005/Oct05/lge/lge 207. htm>. [14 Oktober 2005].
- Ling Liong Sik. 1995. *The Malaysian Chinese Towards Vision 2020*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Mahani Musa & Tan Liok Ee (pnyt.). 2000. *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malaysia Today. 2005. <http://www.malaysia-today.net/blog/2005/09/mengapa-mereka-memilih-sekolah-cina.htm>. [12 September 2005].
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Azizi & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Mingguan Malaysia*. 2005. 13 Nov.
- Mohamad Khir Toyo. 2008. Melayu Di Persimpangan. <http://www.drkhir.com/> [8 Jun 2008].
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2006. Menolak Tugu Peringatan MPAJA di Nilai. *Utusan Malaysia*, Dis 26.
- Neena Sharma. 1985. *Political Socialization and Its Impact on Attitudinal Change Towards Social and Political System: A Case Study of Harijan Women of Delhi*. New Delhi: M.C. Mittal.
- Ongliki, J. P. 1985. *Nation-building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Oong Hak Ching. 2000. *Chinese Politics in Malaya 1942-55, The Dynamics of British Policy*. Bangi: Penerbit UKM.

- Purcell, V. 1997. *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*. Skudai: UTM.
- Quek Weng Kim. 2000. Satu Tinjauan Tentang Kepuasan Kerja Guru-Guru SJK (C) di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Tionghoa. Universiti Malaya.
- Ratnam, K.J, 1967. *Communalism and the Political Process in Malaya*. Singapore: University of Malaya Press.
- Ratnam, K. S. 2002. Malaysia 11 September and the Politics of Incumbency. Dlm. Daljit Singh & Anthony L.S. (pnyt.). *Southeast Asian Affairs 2002*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ruslan Zainuddin. 2005. *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Samsudin A Rahim. 2007. Sosialisasi Politik. *Utusan Malaysia*, 21 April.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Sia Keng Yek. 2005. *SRJK (Cina) Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan: Dilema dan Kontroversi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siasah*. 2006. 20 Januari – 2 Februari.
- Siasah*. 2006. 31 Mac -13 April.
- Siasah*. 2006. 19 Mei – 1 Jun.
- Siti Mariam Md Zin. 2006. Hidup sederhana jangan tamak. *Mingguan Malaysia*, 24 September.
- Strauch, J. 1981. *Chinese Village Politics in the Malaysian State*. Cambridge: Harvard University Press.
- Suntharalingam, R. & Abdul Rahman Haji Ismail. 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Suryadinata (pnyt.). 1989. *The Ethnic Chinese in the Asean States*. Singapore: ISEAS.
- Tan Liok Ee. 1989. Chinese Education in Malaysia and Singapore. Dlm. Suryadinata (pnyt.). *The Ethnic Chinese in the Asean States*. Singapore: ISEAS.

Ting Chew Peh. 1987. *Hubungan Ras dan Etnik*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.

Utusan Malaysia. 2005. 27 April.

Wilson, R. W. 1974. *The Moral State: A Study of the Political Socialization of Chinese and American Children*. New York: The Free Press.

Yew Yeok Kim. 1973. Education and the Acculturation of the Malaysia Chinese: A Survey of Form IV Pupils in Chinese and English School in West Malaysia. M.Ed Thesis. University of Malaya.

Yew Yeok Kim. 1982. Education, National Identity and National Integration: A Survey of Secondary School Students of Chinese Origin in Urban Peninsular Malaysia. Ph.D Thesis. Stanford University.

Zainal Mohd Jais. 1996. Akhbar dan Isu Perkauman 1987: Tumpuan Kepada The Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah, PhD
Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian Umum dan Bahasa
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)